NO. KAD PENGENALAN | | | | | | - | | | - | | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | | |

Nama ........................................................................................ Tingkatan ..............

**JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR**
**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR**

**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

**5226/1**

## TASAWWUR ISLAM

**Kertas 1**
**September**

$1\frac{1}{4}$ jam **Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan** *dan* **angka giliran** *anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas ini mengandungi dua bahagian :* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
3. *Jawab* **semua** *bahagian.*
4. **Bahagian A** *mengandungi* **20** *soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman* 11 *dalam kertas soalan ini.*
5. **Bahagian B** *mengandungi* **20** *soalan. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
6. *Anda dinasihati supaya mengambil masa* 30 *minit untuk menjawab* **Bahagian A** *dan* 45 *minit untuk* **Bahagian B**.

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | | |
|---|---|---|---|
| Kod Pemeriksa: | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| **A** | **1-20** | 20 | |
| **B** | **21-40** | 20 | |
| **Jumlah** | | 40 | |

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

 *© 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Selangor* 

**Bahagian A**

[20 *markah*]

1 Adab terhadap rasul ialah

**A** menghadiri perarakan Maulidur Rasul
**B** mencintai rasul seperti manusia lain
**C** sentiasa berselawat kepada baginda
**D** mengamalkan semua sunnah nabi

2 Keistimewaan insan ialah

**A** berbudaya
**B** berkeluarga
**C** berhawa nafsu
**D** berakal fikiran

3 Berikut adalah ciri-ciri wahyu **kecuali**

**A** diturunkan kepada orang awam
**B** hukumnya tetap dan tidak akan berubah
**C** menceritakan perkara ghaib dan sami'yat
**D** terpelihara kesuciannya hingga ke hari kiamat

4 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai ciri ilmu fardu kifayah.

I Menumpukan hubungan manusia dengan Allah SWT
II Setiap muslim berdosa jika tiada yang mempelajarinya
III Memadai dipelajari dan diamalkan oleh sebahagian umat Islam
IV Berkaitan dengan kepentingan kehidupan di dunia dan di akhirat

**A** I, II dan III
**B** I, II dan IV
**C** I, III dan IV
**D** II, III dan IV

 *© 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*

5 Contoh pengaruh luar yang merosakkan pemikiran seseorang muslim ialah

I pemujaan kubur dan tempat keramat
II budaya *punk* dan *skinhead*
III sambutan hari kekasih
IV meraikan hari ibu

**A** I dan II
**B** II dan IV
**C** III dan IV
**D** I dan IV

6

| |
|---|
| • Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup<br>• Seluruh makhluk merupakan hak milik Allah SWT |

Pernyataan di atas merujuk kepada

**A** prinsip Rabbaniyyah
**B** matlamat Uluhiyyah
**C** prinsip Waqi'yyah
**D** ciri agama langit

7 Maksud khalifah ialah

**A** penguasa bumi
**B** pengganti kenabian
**C** pemimpin utama negara
**D** pemerintah yang memakmurkan dunia

8




Dalam rajah di atas, **P** ialah

**A** al-Ijtihad
**B** al-Fatwa
**C** al-Jihad
**D** al-Qias

 © *2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Selangor* 

Tokburong.wordpress.com 

9 Ibadat bermaksud

A kembali mentaati Allah SWT
B pengakuan keesaan Allah SWT
C mengamalkan suruhan Allah SWT
D penyerahan diri kepada Allah SWT

10

| |
|---|
| • Lalai untuk menunaikan ibadat wajib<br>• Jiwa tidak tenteram |

Pernyataan di atas merujuk kepada ujian harta terhadap

A negara
B individu
C keluarga
D masyarakat

11 Berikut merupakan peraturan dalam pemilihan harta **kecuali**

A harta yang dimiliki hendaklah dibelanjakan secara berhemat
B melabur dalam sektor kewangan yang berlandaskan Islam
C mengeluarkan zakat apabila cukup syarat-syaratnya
D membantu golongan yang tidak berkeupayaan

12

| |
|---|
| Encik Abu Bakar seorang yang amanah dalam melaksanakan kerja yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya. |

Situasi di atas merujuk kepada

A etika kerja Islam
B kualiti kerja Islam
C syarat pekerjaan Islam
D ciri-ciri pekerjaan Islam

13 Apakah kebaikan bekerja kerana Allah SWT terhadap hasil kerja?

A Memupuk keikhlasan bekerja kerana Allah SWT
B Mengurangkan kos pengeluaran sesuatu barangan
C Melahirkan pekerja yang cekap dan bersungguh-sungguh
D Menzahirkan rasa puas hati pelanggan terhadap barangan

 *© 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*

14 Muamalah bermaksud

A usahasama untuk meringankan beban orang perseorangan
B harta yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk dimiliki
C kerjasama untuk memenuhi keperluan berkaitan harta
D kegiatan untuk mendapatkan sumber pendapatan

15 Pernyataan berikut menerangkan muamalat yang tidak sah **kecuali**

I hak milik sempurna penjual
II mengandungi unsur penipuan
III barangan jualan yang belum pasti
IV persetujuan daripada kedua belah pihak

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

16 Maksud qadha ialah

A keputusan mahkamah berdasarkan hujah dan bukti yang nyata
B usaha yang dilakukan berdasarkan al-Quran dan al-Hadis
C hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid
D keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa

17

| | |
|---|---|
| Hukum<br>**Q** | • Membasuh anggota wuduk melebihi 3 kali<br>• Berpakaian yang berbau busuk ketika solat<br>• Tidur secara berlebihan |

Hukum **Q** di atas merujuk kepada

A makruh
B haram
C harus
D sunat

18 Tanggungjawab suami menurut Islam ialah

A memberi didikan agama kepada ahli keluarga
B bertoleransi dan melayani isteri dengan baik
C bertolak ansur sebelum membuat keputusan
D memberi kasih sayang kepada anak-anak

 © 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Selangor 

19 "Ali mencuri sebiji epal".
Apakah kaedah penyelesaian masalah bagi situasi di atas?

**A** Melalui al-Quran
**B** Melalui pendidikan
**C** Melalui tindakan pemerintah
**D** Melalui nasihat yang bijaksana

20 Punca kemiskinan dalam kalangan umat Islam ialah

I lebih mengutamakan tuntutan fardu kifayah
II berleluasa perbuatan pencerobohan harta
III golongan kaya mementingkan diri sendiri
IV sikap terlalu memilih kerjaya

**A** I dan III
**B** II dan III
**C** III dan IV
**D** I dan IV

**5226/1** *© 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*

*Untuk Kegunaan Pemeriksa*

**Bahagian B**

[20 *markah*]

**Soalan 21 hingga Soalan 24**

*Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut ke dalam ruangan yang disediakan.*

**21** Fahaman yang mempercayai bahawa hanya bendalah yang menyebabkan terjadinya segala sesuatu di dunia ini. [ ] 1

**22** Fahaman yang mahukan demokrasi dan kebebasan dalam kegiatan ekonomi, politik dan sosial. [ ] 1

**23** Kontrak perniagaan di antara pemodal dan pengusaha di mana keuntungannya dibahagikan mengikut persetujuan bersama. [ ] 1

**24** Kontrak persetujuan untuk menjamin kerugian atau kerosakan yang berlaku kepada ahlinya. [ ] 1

**Soalan 25 hingga Soalan 28**

*Lengkapkan pernyataan berikut:*

**25** ______________________ ialah ajaran yang datang daripada Allah SWT dan mempunyai kitab serta rasul. 1

**26** Akal manusia boleh ______________________ apabila manusia berfikir dan membuat sesuatu kajian. 1

**27** Orang yang cukup kuat ingatan untuk mengingat sesuatu hadis yang didengar dikenali sebagai ______________________. 1

**28** ______________________ merupakan syarat utama sesuatu pekerjaan diterima oleh Allah SWT dan diganjari pahala. 1

 © 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Selangor

Tokburong.wordpress.com 

**Soalan 29 hingga Soalan 30** berdasarkan Carta A di bawah.




Carta A

Berdasarkan Carta A di atas,

**29** **R** ialah ______________________.

**30** **S** ialah ______________________.

**Soalan 31 hingga Soalan 32**

Padankan **T** atau **U** dengan aktiviti dan tulis jawapan anda pada ruangan yang disediakan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| T | Memelihara Alam | U | Memulihara Alam |

| | | |
|---|---|---|
| 31 | Menanam semula pokok | |
| 32 | Mengawal pencemaran udara | |

**Soalan 33 hingga Soalan 34** berdasarkan Carta B di bawah.




Carta B

Berdasarkan Carta B di atas,

**33** **V** ialah ______________________.

**34** **W** ialah ______________________.

 *© 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*

**Soalan 35 hingga Soalan 36** berdasarkan jadual berikut.




Berdasarkan langkah penyelesaian masalah secara Islam di atas,

**35** Y ialah ______________________________. 1

**36** Z ialah ______________________________. 1

**Soalan 37 hingga Soalan 40.**

*Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan berikut yang betul.*
*Tandakan ( X ) pada pernyataan berikut yang salah.*

**37** Akal hanya mampu memikirkan perkara yang dapat ditanggapi oleh pancaindera sahaja. 1

**38** Sum'ah ialah perbuatan menceritakan amalan baik yang dilakukan supaya dipuji oleh orang lain. 1

**39** Memelihara dan memulihara alam merupakan tanggungjawab penguasa tempatan semata-mata. 1

**40** Kesejahteraan negara tidak akan terjejas sekiranya ramai rakyat tidak bekerja. 1

**KERTAS SOALAN TAMAT**

| **Markah Bahagian B** |
|---|
| |

 *© 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*

**KERTAS JAWAPAN**
**Bahagian A**

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 11 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 12 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 13 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 14 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 15 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 16 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 17 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 18 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 19 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 20 | (A) | (B) | (C) | (D) |

| Markah Bahagian A |
|---|
| |

**5226/1** *© 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Selangor*